

JABATAN PERHUTANAN
SEMENANJUNG MALAYSIA

EDISI 3/2024 | MAC 2024

TINTA INTEGRITI

UNIT INTEGRITI PERHUTANAN

KESAN DAN AKIBAT BURUK JENAYAH RASUAH

Pada kebiasaannya implikasi buruk akibat daripada perbuatan jenayah rasuah bukan sahaja akan dirasai oleh pelaku-pelakunya, tetapi juga kepada sistem kehidupan berkeluarga, kemasyarakatan dan negara. Di antara kesan buruk jenayah rasuah adalah :

Menjual Maruah Diri

Melalui jenayah rasuah, si penerima rasuah telah menjadi pekerja atau "barua" bagi si pemberi rasuah. Si penerima rasuah tidak akan dapat menggunakan kuasa dan pertimbangan sewajarnya dalam melaksanakan amanah yang diberikan oleh majikannya.

Melemahkan Penguatkuasaan Undang-Undang

Perbuatan jenayah rasuah yang berleluasa dalam kalangan pegawai awam bermakna para pemerintah telah tidak dapat melaksanakan dasar dan undang-undangnya secara berkesan. Penguatkuasaan peraturan dan undang-undang juga akan dilaksanakan secara tidak adil dan pilih kasih berlaku.



Mengancam Keselamatan Dan Meruntuhkan Negara

Jenayah rasuah yang bertapak dalam sistem politik boleh meruntuhkan sistem pemerintahan dan ekonomi sesebuah negara. Jenayah rasuah di kalangan pemimpin kerajaan boleh mengakibatkan berlaku ketidakadilan dan penindasan yang mencetuskan keresahan, kebencian dan kekacauan pada kerajaan yang memerintah.

Berlaku Ketirisan Dan Menjejaskan Pendapatan Negara

Ketirisan hasil negara berlaku apabila ada kalangan penjawat awam yang diamanahkan melaksanakan tugas mengutip hasil kerajaan telah terlibat dengan jenayah rasuah akan menyebabkan kerajaan mengalami kerugian hasil pendapatan negara.



Ketidakadilan Sosial

Perbuatan menyogok suapan rasuah kepada mereka yang berkuasa oleh kontraktor yang kurang cekap untuk mendapatkan sesuatu projek atau kontrak telah menafikan hak golongan yang berkelayakan.



Sumber : Buku Rasuah Dihina, Integriti Dibina